

Sangat tidak sihat!

■ Kementerian Pendidikan arah sekolah 11 negeri ditutup



**LEMAS
DALAM
JEREBU**

Oleh Norul Awatif Romli
awatifromli@hmetro.com.my
Aior Setar


Kementerian Pendidikan mengarahkan semua sesi persekolahan di semenanjung negara ditutup dua hari bermula hari ini kecuali Kelantan, Sabah, Sarawak dan Labuan berikutan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) sangat tidak sihat.

Menterinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, penutupan itu dibuat selepas hasil pemantauan dijalankan sejak kelmarin mendapati bacaan IPU di beberapa kawasan di negeri berkenaan menunjukkan peningkatan yang ketara.

Bagaimanapun, beliau berkata, penutupan itu tidak perlu diganti semula termasuk arahan penutupan sebelum ini kerana ia dikeluarkan secara rasmi pihak kementerian.

Katanya, pihaknya juga bersetuju dengan pengurusan dan pentadbiran turut terbabit dalam penutupan itu termasuk murid prasekolah, guru serta kakitangan sekolah bagi mengelakkan implikasi lebih buruk.

“Berdasarkan bacaan



JEREBU di Jalan Persekutuan, Petaling Jaya.

“**Penutupan itu tidak perlu diganti semula termasuk arahan penutupan sebelum ini kerana ia dikeluarkan secara rasmi pihak kementerian**”

Mahdzir Khalid

hingga jam 12 tengah hari (semalam) kita mendapati bacaan IPU masih berada dalam zon yang memerlu-

kan semua sekolah ditutup kecuali di Kelantan, Sabah, Sarawak dan Labuan.

“Bagi negeri yang tidak termasuk dalam arahan penutupan ini yang bacaan IPU berada pada tahap tidak sihat, pemantauan berterusan akan dilaksanakan setiap jam dan jika ada perubahan, kita akan memberi kes sama kepada mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri majlis pelaksanaan program World's Largest Lesson (WLL) bersama Kementerian Pendidikan di Sekolah Menengah Kebang-

saan (SMK) Seri Ampang, Kuala Kedah, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Pendidikan Kedah Datin Azuyah Hassan.

Sementara itu, Mahdzir berkata, pihaknya buat masa ini tidak menangguhkan semua peperiksaan awam utama membabitkan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) hingga keadaan membenarkannya untuk membuat keputusan itu.